



SHARIFF Abdul Kadir Omang (dua, kanan) melancarkan Kempen Penjimatan Utiliti peringkat UMS-KAL di Dewan Utama, UMS-KAL, Labuan, kelmarin.

Amalkan penjimatan utiliti sebagai satu budaya dalam kehidupan

# UMS-KAL sasar jimat tenaga

46 6/4/2011/26

Oleh SITI NOR AZIZAH TALATA  
utusanabah@utusan.com.my

**LABUAN** 5 April - Semua kakitangan dan mahasiswa Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) wajar mengamalkan penjimatan utiliti sebagai satu budaya dalam kehidupan seharian.

Pengarah UMS-KAL, Prof. Madya Dr. Shariff Abdul Kadir Omang berkata, antaranya adalah dengan memastikan penggunaan penghawa dingin, lampu dan peralatan elektrik ditutup selepas waktu pejabat.

Menurutnya, selain memupuk budaya penjimatan dan guna tenaga yang cekap, kempen itu juga bertujuan mengurangkan kos pembayaran bil elektrik, air dan telefon di kampus itu sebanyak 25 peratus sehingga 2013.

"Kita mahu meningkatkan inovasi dan kreativiti tentang kaedah terbaik penjimatan utiliti tanpa menjejaskan kecekapan, keberkesanan sistem penyampaian dan operasi harian.

"UMS-KAL berjaya mengurangkan pembayaran elektrik sebanyak lapan peratus

iaitu RM1.2 juta pada tahun lalu berbanding RM1.3 juta pada 2009," katanya ketika berucap melancarkan Kempen Penjimatan Utiliti peringkat UMS-KAL di Dewan Utama UMS-KAL, di sini semalam.

Hadir sama, Timbalan Dekan SPKAL, Prof Madya Dr. Norazah Suki dan Ketua Bahagian Pembangunan dan Penyelenggaraan yang juga pengerusi penganjur, Jorin Matawas.

Pada majlis itu juga, Shariff turut menyerahkan poster penjimatan utiliti kepada wakil-wakil Ketua Bahagian Sekolah Per-

niagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) dan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL).

Katanya, kempen berkenaan mencerminkan keprihatinan UMS-KAL terhadap pentingnya penerapan budaya penjimatan bukan sahaja di universiti malah dipaparkan di luar kampus.

"Ia memperlihatkan UMS-KAL bukan sahaja mengeluarkan graduan yang berjaya dari segi akademik malah mempunyai nilai moral terhadap budaya penjimatan yang boleh dibanggakan," ujarinya.